

<b>Headline</b>	<b>BPR tahan lima individu</b>		
<b>Date</b>	<b>03. Apr 2008</b>	<b>Language</b>	<b>MALAY</b>
<b>Media Title</b>	<b>Utusan Malaysia</b>	<b>Page No</b>	<b>15</b>
<b>Section</b>	<b>Dlm Negeri</b>	<b>Article Size</b>	<b>127 cm<sup>2</sup></b>
<b>Circulation</b>	<b>238082</b>	<b>Frequency</b>	<b>Daily</b>
<b>Readership</b>	<b>833287</b>	<b>Color</b>	<b>Full Color</b>



# BPR tahan lima individu

Oleh SHARILFUDDIN SAARI

**KUALA LUMPUR** 2 April – Badan Pencegah Rasuah (BPR) menahan lima individu termasuk seorang anggota polis dan dua kakitangan awam kerana disyaki menerima suapan antara RM1,000 dan RM2,000 pada kelmarin dan semalam.

Dalam kes pertama, Ibu Pejabat BPR Putrajaya menahan dua Pembantu Pegawai Teknik dari sebuah syarikat kerana disyaki menerima wang sebanyak RM1,000 daripada seorang pengurus syarikat kejuruteraan.

Wang tersebut diterima hasil daripada pemberian projek pendawa-

ian telefon Telekom Malaysia Berhad kepada syarikat terbabit yang bernilai RM7,500.

Menurut kenyataan Ibu Pejabat BPR Putrajaya, kedua-dua suspek berusia 48 dan 49 tahun, ditahan pada kelmarin dan semalam.

“Mereka disiasat mengikut Seksyen 11 (a) Akta Pencegahan Rasuah 1997,” katanya di sini hari ini.

Sementara itu, dalam kes lain, ke nyataan itu berkata, BPR Melaka menahan seorang anggota polis ber pangkat Lans Koperal kerana meminta wang sebanyak RM2,000 daripada seorang suri rumah, semalam.

Katanya, wang itu adalah untuk membebaskan suami wanita berkenaan yang ujian air kencingnya po-

sitif dadah.

Menurutnya, anggota berusia 39 tahun itu direman sehingga 5 April ini bagi siasatan lanjut.

Kenyataan itu berkata, BPR Negeri Sembilan pula menahan dua kakitangan awam dari Universiti Putra Malaysia (UPM) kerana meminta wang sebanyak RM1,650 daripada seorang pelajar, kelmarin.

Katanya, wang itu bertujuan untuk melepaskan pelajar tersebut daripada tindakan tatatertib kerana merosakkan alat pengunci kenderaan.

Menurutnya, kedua-dua suspek dari Bahagian Hal Ehwal Pelajar meminta wang sebanyak RM300 daripada pelajar itu pada 13 Mac dan bakinya dibayar pada 30 Mac lalu.